

## **NOTIS KESELAMATAN ICT (17 MEI 2021)**

### **TINDAKAN MENANGANI SERANGAN SIBER TERHADAP SISTEM OPERASI, PELAYAN DAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN UNIVERSITI:**

#### **Tindakan semua Warga UKM**

- a) Kemaskini perisian pada komputer dengan tampalan keselamatan terkini;
- b) Berhati-hati dengan e-mel yang mencurigakan dan pautan dengan/atau tanpa lampiran;
- c) Pastikan perisian antivirus telah dikemaskini dan berfungsi dengan baik;
- d) Jangan sesekali membuka pautan dari sumber yang tidak dipercayai, yang boleh menyebabkan serangan siber, jangkitan virus komputer atau pencurian identity atau maklumat akaun;
- e) Putuskan rangkaian komputer anda dari Internet jika ianya tidak digunakan;
- f) Laksana Salinan sandaran (*backup*) secara berkala untuk mempercepatkan pemulihan dan meminimumkan kesan jika berlaku insiden.
- g) Pastikan kata laluan sistem dan aplikasi adalah kukuh dan tukar katalaluan secara berkala.
- h) Pastikan tidak menggunakan satu kata laluan yang sama untuk semua sistem aplikasi seperti Sistem Maklumat Universiti, E-mel, Media Sosial dan Perbankan Internet.
- i) Tutup sepenuhnya semua stesen kerja sebelum meninggalkan pejabat anda;

#### **Tindakan Pentadbir Sistem, Pentadbir Server, Pentadbir Rangkaian, Pentadbir Laman Web dan Pentadbir ICT PTj**

- a) Pastikan log sistem dan pelayan sentiasa diaktifkan;
- b) Pastikan kata laluan sistem anda kuat dan selamat. Tukar kata laluan secara berkala;
- c) Pastikan bahawa tidak membenarkan halaman log masuk untuk Pentadbir Sistem dapat dicapai umum;
- d) Lakukan salinan sandaran secara berkala untuk semua maklumat penting untuk meminimumkan kesan kehilangan data atau sistem dan untuk membantu mempercepatkan proses pemulihan. Sebaik-baiknya, sandaran mesti dilakukan setiap hari, pada media yang berasingan dan disimpan di lokasi luar;
- e) Laksanakan pengemaskinian dan naik taraf pada semua aplikasi Internet anda;
- f) Laksana pemantauan dengan teliti untuk mengesan sebarang anomali (aktiviti yang mencurigakan)
- g) Sekiranya anda mengesyaki bahawa pelayan anda telah diceroboh, asingkan pelayan anda, tetapkan semula semua nama pengguna dan kata laluan dan laporkan kepada UKMCERT ([ukmcert@ukm.edu.my](mailto:ukmcert@ukm.edu.my));